



MAJLIS DAERAH PADANG TERAP
06300 Kuala Nerang, Kedah Darul Aman
TEL : 04-7901200 / 04-7866328
FAKS : 04-7866639
E-MAIL : mdptk@mdptk.gov.my

**JABATAN KESIHATAN
PERSEKITARAN
BAHAGIAN PELESENAN**

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN – PUSAT URUT & REFLEKSOLOGI

1. Dinding dihadapan premis dan pintu masuk premis pusat penjagaan kesihatan hendaklah terdiri daripada cermin telus cahaya dan permukaan cermin tersebut hendaklah bebas dari sebarang pelekat, poster, 'tinted' atau apa-apa yang boleh menghalang pandangan. Pintu hendaklah tidak dikunci semasa waktu perniagaan.
2. Pusat Penjagaan Kesihatan hendaklah berkonsep terbuka. Walaubagaimanapun, pemegang lesen dibenarkan memasang tirai yang berukuran bermula 2 kaki dari paras lantai dan tinggi tidak melebihi 6 kaki. Walau bagaimanapun bagi penutupan tirai tidak melebihi syarat di atas hendaklah mendapat kelulusan MDPT.
3. Pemohon tidak dibenarkan membuat apa-apa sekatan (partition) samada berbentuk kekal (konkrit) atau separuh kekal (gypsum board).
4. Bagi urut refleksologi hanya dibenarkan meletakkan kerusi urut sahaja.
5. Pemegang lesen dilarang mempamerkan bahan lucah dalam premis urut atau sekitarnya dan papan tanda hendaklah dipamerkan pada setiap masa ditempat yang mudah dilihat di luar premis.
6. Rekod yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan / pasport, alamat kediaman, gambar dan butiran yang berkaitan dengan pekerja dan tukang urut hendaklah disediakan dan sentiasa dikemaskini.
7. Pemegang lesen tidak dibenarkan mengambil pekerja berumur di **bawah 18 tahun**.
8. Pekerja yang memberi rawatan urutan hendaklah lulus pemeriksaan kesihatan oleh pegawai perubatan.
9. Pengusaha dan pekerja terlibat wajib menjalani ujian saringan HIV oleh Jabatan Kesihatan dan disahkan bebas daripada penyakit tersebut.
10. Pekerja dan tukang urut hendaklah berpakaian seragam yang bersih, sopan dan tidak menjolok mata.
11. Semua pekerja –pekerja hendaklah memakai tag nama.
12. Tukang urut wanita hanya dibenarkan mengurut pelanggan wanita dan tukang urut lelaki hanya dibenarkan mengurut pelanggan lelaki.

